

Pemimpin muda

MESEJ ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO semalam adalah keras dan tegas. Beliau mengingatkan para perwakilan terhadap kelemahan pemimpin dan orang Melayu di masa lepas yang menyebabkan mereka akhirnya terpaksa bergantung kepada orang lain. Beliau mengecam perjuangan setengah orang Melayu yang cuma menjadi jaguh memburukkan pihak lain dan mendesak sesuatu. Beliau juga mendedahkan sikap setengah-setengah golongan sekarang yang menegah orang Melayu mempelajari segala yang berbentuk sekular, sedang mereka sendiri terpaksa hidup menggunakan hasil pengetahuan sekular itu.

Punca nada keras begini adalah jelas. Beliau akan mewarisi kepimpinan UMNO selepas Perhimpunan Agung hari ini, dan kepimpinan negara bila Perdana Menteri Datuk Hussein Onn meletakkan jawatannya nanti. UMNO yang diwarisinya adalah berbeza dengan waktu ia ditubuhkan 35 tahun yang lalu, dalam suasana politik dan bentuk perjuangannya. Jika kemerdekaan menjadi asas perjuangan UMNO sehingga tahun 1957, pengisian kemerdekaan itu dengan corak dan nilai kebangsaan waktu-waktu selepasnya, tuntutan orang Melayu dari UMNO selepas ini adalah jauh lebih besar. Kini kita telah sampai ke pertengahan jalan Dasar Ekonomi Baru. Harapan orang Melayu terhadap pencapaiannya menjelang tahun 1990 begitu hebat, tetapi kesangsian mereka juga bukan sedikit.

Kerana itu Pemuda dan Wanita yang bakal memikul tanggungjawab menyahut cabaran berat itu nanti harus disediakan fikiran dan semangatnya dari sekarang. Dr. Mahathir menelanjangi keburukan orang Melayu di masa lepas kerana, seperti kata beliau, mereka yang tidak belajar dari kesalahan akan didera dengan melakukan kesalahan itu berulang-kali. Beliau mengingatkan bahawa tugas Pemuda dan Wanita sebagai penyedar dan pemandu yang berkesan kepada orang Melayu tidaklah begitu menarik kerana zaman mencari populariti murah sudah berlalu.

Beliau menggesa mereka bergerak di kalangan masyarakat Melayu, khususnya golongan muda, mengajaknya menerima hakikat bahawa mereka harus bekerja kuat untuk mencapai kejayaan tanpa terlalu bergantung dan meminta-minta. Tetapi beliau mengingatkan bahawa menyeru kepada yang baik memang tidak menarik kerana ia memerlukan usaha dan pengorbanan, yang memang tidak mudah dilakukan dan tidak pula boleh menjadikan pemimpin-pemimpin muda itu tumpuan para pemberita. Artinya, mereka yang sanggup melalul ini semualah yang layak menjadi pemimpin zaman ini, dan membimbing orang Melayu mencapai kejayaan di masa depan.

Bahan asal dari Arkib